

Desak naik taraf longkang elak banjir

SENTUL - Gerakan Bahagian Batu mendesak Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) membaik pulih sistem saliran di kawasan Jalan Kolam Ayer dekat sini, bagi mengelak banjir kilat berulang.

Setiausaha Pemuda Gerakan, Dr Dominic Lau berkata masalah itu perlu diberi perhatian sewajarnya berikutan kekerapan banjir kilat yang berlaku setiap kali hujan lebat.

"Banjir kilat sudah lama berlaku di sini,

apa yang merisaukan kami ialah penduduk di sini kebanyakannya terdiri daripada warga emas, bencana ini boleh mengakibatkan keselamatan mereka terancam," katanya ketika melawat mangsa banjir kawasan itu baru-baru ini.

Beliau berkata, pihaknya kesal kerana isu banjir yang berlaku di kawasan itu sejak sekian lama tidak pernah diberi perhatian.

"Kita bukan bercakap untuk seluruh

Kuala Lumpur, tetapi untuk kawasan Jalan Kolam Ayer ini sahaja yang tidak pernah ada usaha untuk menaik taraf longkang dan sistem perparitan meskipun kawasan ini amat memerlukan kemudahan baru itu berikutan pertambahan penduduk," katanya.

Menurutnya, jika perkara itu masih dipandang ringan oleh pihak berwajib, ia menunjukkan seperti rakyat tidak penting meskipun mereka membayar cukai pintu.